

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KE-14  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah hampir 6 bulan Konvensyen Orang Asli diadakan, pelan strategik pembangunan masyarakat Orang Asli yang dijanjikan oleh Menteri serta Ketua Pengarah JAKOA masih belum kelihatan dan dinyatakan. Jika sudah, berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan bagi merealisasikan pelan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) yang diadakan pada April 2019, telah menghasilkan 137 resolusi. Resolusi ini sedang dalam perincian bagi penyediaan Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA) bagi tempoh 2021 hingga 2030. Sehubungan dengan itu beberapa siri libat urus telah dan akan dilakukan bagi perancangan penyediaan PPNOA tersebut.

Antara libat urus yang telah dilaksanakan adalah bersama Badan Bukan Kerajaan (NGOs), Ahli Akademik, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Majlis Peguam Malaysia. Beberapa siri libat urus yang sedang dirancang adalah bersama Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan, badan korporat dan badan antarabangsa seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan (JKPTG), Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Pejabat-Pejabat Tanah Negeri (PTG), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan *United Nations Development Programme* (UNDP) Malaysia.

Pelan jangka panjang ini akan menjurus kepada matlamat utama iaitu mengatasi kemiskinan tegar dan mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seiring dengan kemajuan rakyat Malaysia serta seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Teras Strategik bagi PPNOA adalah kepada tujuh (7) fokus utama yang melibatkan perkara berkaitan tanah, pendidikan, kesihatan, ekonomi, kepimpinan, infrastruktur dan kebudayaan. Pelan ini akan melibatkan peruntukan dua (2) Rancangan Malaysia bagi tujuan pelaksanaannya iaitu Rancangan Malaysia Ke-12 dan ke-13.

Sekian, terima kasih.